

**FARMER'S FRIEND SDN. BHD.  
MAKANAN TERNAKAN AYAM ITIK**

**DISEDIAKAN UNTUK:**

***EN. MOHD. ZAIN IDRIS***

**DISEDIAKAN OLEH:**

<b>ZUHRI ISMAIL</b>	<b>96770746</b>
<b>SYAMSUL KAMAL IDRIS</b>	<b>96372801</b>
<b>NAZELYNA HAMIDIN</b>	<b>96465076</b>
<b>ROSS AFIZA ROSLI</b>	<b>96126891</b>
<b>YONG RAFIDAH RAZAK</b>	<b>96687919</b>

## **SEKAPUR SIRIH**

Farmer's Friend Sdn. Bhd. terletak di Sungai Chuchuh, Padang Besar di mana ia merupakan kawasan perindustrian yang pesat membangun dari segi infrastruktur perindustrian dan teknologi. Bidang perniagaan yang kami pilih adalah berdasarkan kepada penerokaan bidang pemprosesan / formulasi makanan ternakan kerana ia dapat memenuhi beberapa objektif asas seperti keuntungan, menyediakan sumber makanan, menggunakan hasil-hasil / sampingan pertanian tempatan dan membantu pertumbuhan industri ternakan negara. Tambahan lagi dengan situasi negara kini mengalami kemelesetan ekonomi.

Farmer's Friend Sdn. Bhd merupakan sebuah syarikat memproses dan memasarkan makanan ternakan yang dimiliki sepenuhnya oleh Bumiputera yang ditubuhkan untuk memenuhi kehendak agensi badan-badan berkanun dan penternak-penternak di kawasan Utara Semenanjung Malaysia. Ini adalah kerana kebanyakan bidang perniagaan ini dipelopori oleh bukan bumiputera dan berisiko tinggi. Walaubagaimanapun kami yakin syarikat yang bakal kami tubuhkan ini mampu bersaing dengan bakal pengeluar yang ada.

Farmer's Friend Sdn. Bhd. akan memulakan perniagaan pada 1 Januari 2000 yang beroperasi di Sungai Chuchuh. Kedudukan yang strategik ini akan memudahkan pelanggan untuk mendapatkan barangan yang dikeluarkan kerana jarak diantara syarikat kami dengan pihak pelanggan tidak terlalu jauh. Dengan keyakinan dan kerjasama dari semua ahli, diharap akan dapat mencapai objektif dan seterusnya meningkatkan prestasi perniagaan dari masa ke semasa dan dapat bertahan serta mampu untuk bersaing dengan para pengeluar yang lain.

## **LOKASI TAPAK PROJEK**

Projek ini terletak di Sungai Chuchuh, Padang Besar yang kawasannya adalah seluas 2304 kaki persegi. Ia juga merupakan kawasan yang strategi kerana terletak dikawasan perindustrian dimana terdapat berbagai kemudahan dan berhampiran dengan kawasan pembekal bahan mentah dan juga para pelanggan.

## **KEDUDUKAN FIZIKAL**

Lokasi yang terletak ditengah-tengah kawasan perindustrian memudahkan kami berhubung dengan pembekal bahan mentah dan pelanggan kami yang terdiri daripada agen badan-badan berkanun serta penternak-penternak. Maka dengan ini dapat melicinkan operasi perniagaan kerana dapat berurusan dengan lebih cepat dan efektif. Selain daripada itu, kedudukan fizikal yang dipilih memudahkan syarikat mendapatkan tenaga buruh yang murah dan produktif dari kawasan yang berdekatan. Berdasarkan kepada kedudukan fizikal tapak projek ini, kami yakin bahawa perniagaan ini akan mendapat sambutan yang menggalakan dari para pelanggan.

## **BANGUNAN**

Premis yang telah disewa oleh syarikat daripada tuan punya bangunan iaitu Syarikat R&Y Sdn. Bhd. dengan pembayaran sewa sebanyak RM 2200 sebulan. Segala pengubahsuaian telahpun dipersetujui oleh tuan punya bangunan dan keseluruhan kos ditanggung oleh syarikat kami. Struktur bangunan ini dibina daripada batu dan konkrit serta berukuran 2304 kaki persegi. Bangunan dua tingkat ini terdiri daripada bahagian atas yang meliputi pejabat syarikat dan bahagian pentadbiran, pemasaran dan kewangan.

<b>PERKARA</b>	<b>M/S</b>
Surat Penyerahan	i
Muqaddimah	iii
Sekalung Budi	iv
Isi Kandungan	v
Tujuan Rancangan Perniagaan	1
Sekapur Sireh	2
Logo	4
Latar Belakang Perniagaan	6
Latar Belakang Pemegang Saham	7
Nama dan Sumbangan Pemegang Saham	12
<b>RANCANGAN PENTADBIRAN :</b>	
Pengenalan Organisasi :	
☺ Misi Organisasi	13
☺ Matlamat Jangka Pendek Organisasi	
☺ Matlamat Jangka Panjang Organisasi	
☺ Strategi Organisasi	14
☺ Struktur Organisasi	
Carta Organisasi	15
Senarai Perjawatan dan Nama Pemegang Jawatan	16
Jadual Jawatan dan Bilangan Pekerja	17
Jadual Spesifikasi Tugas	18
Jawatan Sokongan	20
Intensif Pekerja	21
Imbuhan Balas Jasa	22

Senarai Bekalan Pejabat	23
Perabot dan Alatan Pejabat	24
Jadual Perbelanjaan Pentadbiran	25
Pelan Susur Atur Pejabat	26

#### **RANCANGAN PEMASARAN :**

Bentuk Pasaran	27
Sasaran Pasaran	28
Sasaran dan Saiz Pasaran	29
Pesaing dan Syer Pasaran	30
Carta Pai Syer Pasaran	31
Ramalan Jualan	32
Kekuatan dan Kelemahan Pesaing	33
Kelebihan Farmer's Friend Sdn. Bhd.	
Strategi Promosi	34
Strategi Edaran	
Strategi Barangan	35
Strategi Harga	36
Belanja Pemasaran	

#### **RANCANGAN OPERASI :**

Rancangan Pengeluaran	37
Kos Operasi Sebulan	38
Senarai Belian Bahan Mentah Sebulan	39
Rancangan Pengeluaran Operasi Setahun (Unit)	40